



**SYARAT DAN PERATURAN MENGENDALIKAN  
ESTABLISMENT KECANTIKAN DAN KESIHATAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BAWAH PERINTAH ESTABLISMENT  
KECANTIKAN DAN KESIHATAN, 2016**

**A. PENGENALAN**

**1.1 Perintah Establiment Kecantikan dan Kesihatan, 2016 mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016.**

**1.2 Perkhidmatan dan Kemudahan Establiment Kecantikan dan Kesihatan (EKK)**

1. Aerobik
2. Aromaterapi
3. Tukang gunting rambut
4. Melangsingkan badan
5. Kosmetik
6. Rawatan muka dan badan
7. Gimnasium
8. Salun rambut
9. Merias kuku tangan dan kaki
10. Urut
11. Refleksologi
12. Spa, termasuk kolam air panas atau sejuk

**1.3 Waktu Perniagaan**

1. Perniagaan hendaklah ditutup setiap **HARI JUMAAT** bermula dari jam **12.00 tengahari sehingga 2.00 petang**.

**1.4 Tempoh Lesen**

1. Setiap lesen EKK sah bagi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh lesen itu dikeluarkan oleh pihak berkuasa melesen melainkan jika digantung atau dibatalkan.
2. Lesen hendaklah diperbaharui tiga (3) bulan sebelum tarikh mansuh. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa melesen tidak terikat membaharui lesen jika premis-premis berkenaan didapati melanggar syarat dan peraturan yang berkuatkuasa ketika ini.

**B. PEMEGANG LESEN ESTABLISMENT KECANTIKAN DAN KESIHATAN**

1. Pemegang lesen mestilah melaporkan kepada pihak berkuasa melesen dalam masa 30 hari jika terdapat perubahan butir-butir lesen seperti berikut:

- (a) Memberikan suatu pernyataan bertulis yang menyatakan jenis dan tarikh perubahan itu; dan

- (b) Menyerahkan balik lesen itu kepada pihak berkuasa melesen,

Pemegang lesen akan dikenakan bayaran lesen gantian sebanyak \$10.00 jika belum tamat tempoh. Lesen lama mestilah dikembalikan kepada pihak berkuasa melesen sebelum dikeluarkan lesen baru.

2. Pemegang lesen hendaklah apabila mengupah seseorang pekerja, mengemukakan butir-butir pekerja itu kepada pihak berkuasa melesen dan hendaklah memberitahu pihak berkuasa melesen mengenai sebarang perubahan ke atas butir-butir pekerja itu.
3. Pemegang lesen atau sekurang-kurangnya pengurus EKK perlulah mempunyai kelayakan yang bersesuaian dengan perkhidmatan EKK yang diberikan atau terlebih dahulu menjalani kursus khas berkenaan.
4. Pihak berkuasa melesen akan mengenakan denda sebanyak \$10.00 bagi pengeluaran lesen gantian (bagi yang hilang atau rosak). Jika lesen asal telah dijumpai apabila dikeluarkan lesen gantian, pemegang lesen mestilah mengembalikan lesen asal kepada pihak berkuasa melesen.
5. Pemegang lesen hendaklah menyelenggarakan suatu daftar yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, kelayakan atau kemahiran dan apa-apa butir lain yang berkaitan mengenai pekerja-pekerjanya, serta gambar-gambar pekerjaannya, dan hendaklah mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa melesen.
6. Pemegang lesen hendaklah, memastikan bahawa dia, jika dia juga seorang pekerja, dan pekerjaannya menjalani, sekali setiap dua (2) tahun, pemeriksaan perubatan dan menerima sijil perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggali 112).
7. Dalam kawasan yang digunakan untuk **MENGURUT** atau untuk memelihara mana-mana bahagian badan atau muka menggunakan langsir atau tabir lain yang dibuat daripada apa-apa bahan yang ditentukan oleh pihak berkuasa melesen untuk mengasingkan katil-katil tetapi langsir atau tabir tersebut tidak boleh melebihi 2 meter tinggi yang diukur dari lantai.
8. Pintu mana-mana tempat di mana perkhidmatan diberikan atau kemudahan disediakan tidak boleh dikunci.
9. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat ruang yang sepatutnya (khusus) dan berasingan untuk bersalin pakaian bagi pelanggan lelaki dan perempuan.
10. Pemegang lesen adalah **DILARANG** bagi perkara-perkara berikut:

- a. membenarkan mana-mana orang yang diketahui atau disyaki dengan munasabah menghidap penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak memasuki EKK;
- b. Mengambil bekerja di EKK mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai menghidap penyakit berjangkit;
- c. Mengambil bekerja di EKK mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah seorang pelacur atau orang yang mempunyai tingkah laku buruk;
- d. Berpakaian tidak sesuai atau membenarkan pekerja untuk berpakaian tidak sesuai di dalam EKK;
- e. Membenarkan pekerja lelaki untuk merawat pelanggan perempuan dan begitu jugalah sebaliknya;
- f. Merawat pelanggan lelaki dan perempuan ditempat rawatan yang sama;
- g. Membenarkan mana-mana binatang untuk memasuki, berada atau dipelihara di dalam EKK; dan
- h. Mempamerkan apa-apa fotograf, gambar, barang atau benda lucah di dalam EKK.

**Nota: Ceraian 6 (e) dan (f) tidak dikenakan kepada suatu premis yang menyediakan gimnasium atau suatu perkhidmatan atau kemudahan aerobik.**

11. Pemegang lesen disarankan bagi pekerja-pekerja di premisnya berpakaian seragam, kemas dan tidak menjolok mata.
12. Pemegang lesen mestilah memastikan untuk memberhentikan sebarang kegiatan gimnasium atau suatu perkhidmatan atau kemudahan aerobik, 15 minit sebelum azan berkumandang dan bolehlah meneruskan perniagaan 15 minit selepas azan berkumandang.
13. Tiada penyambungan lesen akan diberikan jika pemegang lesen tidak mematuhi syarat dan peraturan baru di bawah EKK.
14. Adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi

\$10,000.00 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100.00 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

15. Setiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya di suatu tempat yang mudah dilihat di tempat berlesen.
16. Pemegang lesen dan semua pekerja hendaklah memberikan kerjasama kepada pihak-pihak berkuasa melesen jika diperlukan.

#### C. PEKERJA ESTABLISHMENT KECANTIKAN DAN KESIHATAN

1. Had umur bagi pekerja tempatan tidak kurang 20 tahun manakala umur bagi pekerja asing hendaklah diantara 25 hingga 55 tahun.
2. Pekerja mestilah faham atau fasih bertutur bahasa Melayu atau Inggeris bagi memudahkan komunikasi dengan majikan dan pelanggan.
3. Pekerja-pekerja adalah dikehendaki memakai pakaian seragam yang sopan dan tidak menjolok mata serta menggunakan lencana nama (name tag) semasa menjalankan tugas.
4. Pekerja-pekerja hendaklah menggunakan lapik jika menjalani rawatan yang memerlukan pandangan pada anggota aurat dan sebaliknya dengan menyentuhnya sahaja.
5. Setiap pekerja perlu mempunyai kelayakan atau kemahiran yang bersesuaian seperti sijil menghadiri kursus dalam bidang EKK dari institusi yang diiktiraf dari negara asal atau mempunyai sijil kelayakan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.
6. Hanya pekerja yang didaftarkan di bawah syarikat berkenaan sahaja yang dibenarkan.

#### D. ESTABLISHMENT KECANTIKAN DAN KESIHATAN (BAGI KESEMUA PERNIAGAAN TERMASUK URUT)

1. Mana-mana ruang di EKK tidak boleh digunakan sebagai tempat tidur atau ruang rehat pekerja.
2. Bahan-bahan yang digunakan bagi perkhidmatan EKK mestilah yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan sama ada dalam bentuk krim, minyak atau pepejal dan sebagainya serta bersih dan suci mengikut hukum syara' (Islam).
3. Terdapat pengalihudaraan yang mencukupi di dalam EKK dan bahawa cara pengalihudaraan sentiasa dalam keadaan baik dan sentiasa berfungsi.
4. Semua peralatan mekanik dan elektrik yang digunakan di dalam EKK pada setiap masa dalam keadaan baik dan

memuaskan serta tidak mendatangkan bahaya kepada pengunjung / pelanggan.

5. Semua ruang dalam EKK hendaklah dipasang dengan lampu yang terang semasa waktu memberikan perkhidmatan.
6. Kelengkapan mencegah kebakaran seperti alat pemadam api hendaklah disediakan dengan secukupnya dan dipasang di tempat yang mudah dilihat.
7. Semua laluan, tangga, jalan keluar dan masuk hendaklah bebas dari sebarang halangan.

#### E. JURUWANG

1. Mana-mana EKK yang mempunyai juruwang atau sekurang-kurangnya seorang pekerja di peringkat pertengahan pengurusan hendaklah diisikan oleh anak tempatan.

#### F. LESEN

1. Pemegang lesen tidak boleh memindah milik lesennya kepada, atau membenarkan lesennya untuk digunakan oleh orang lain.
2. Lesen yang diberikan hendaklah dikembalikan kepada pihak berkuasa melesen apabila tarikh kebenarannya mansuh atau perniagaan tidak lagi beroperasi.
3. Jika syarat dan peraturan yang ditentukan di atas tidak dipatuhi, lesen EKK yang dikeluarkan akan dibatalkan.
4. Peraturan-peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan dan tambahan dari masa ke semasa oleh pihak berkuasa melesen.
5. Pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki atau memeriksa suatu tempat berlesen dan memeriksa semua buku atau dokumen lain yang dijumpai di tempat berlesen itu atau memindahkannya untuk pemeriksaan lanjut.

#### G. ESTABLISHMENT KECANTIKAN DAN KESIHATAN (KHUSUS URUT DAN PUSAT KECANTIKAN YANG MENAWARKAN PERKHIDMATAN URUT BAGI YANG MASIH BEROPERASI SAHAJA)

1. Setiap EKK hendaklah khusus bagi satu-satu jenis jantina dimana seseorang pekerja lelaki mestilah melayan pelanggan urut lelaki sahaja dan begitu juga sebaliknya.
2. Lokasi EKK bagi lelaki hendaklah ditempatkan samada di:
  - a. Tingkat Bawah sebelah hadapan (frontage) bagi bangunan berbentuk rumah kedai;

- b. Sebelah depan koridor bagi bangunan komersial; atau
- c. Spa yang memberikan perkhidmatan khusus bagi lelaki.

3. Bagi EKK bagi perempuan hendaklah ditempatkan samada di:

- a. Pusat Penjagaan Kesihatan dan Kecantikan khas untuk wanita; atau
- b. Spa khas untuk wanita.

4. Penyelarasan nama-nama syarikat hendaklah dibuat bagi tujuan memudahkan kawalan serta memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk mengetahui premis-premis yang memberikan perkhidmatan. Papantanda bagi EKK untuk lelaki berwarna biru manakala papantanda bagi EKK untuk wanita berwarna merah jambu.

5. Setiap EKK mestilah menyediakan buku daftar yang mencatatkan keterangan pelanggan seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan jam masuk & keluar.

6. Setiap EKK hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang tukang urut atau pekerja bagi rawatan mana-mana bahagian badan atau muka.

7. EKK hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa termasuk tandas, bilik air, katil, cadar, lantai, ruang tamu dan sebagainya.

8. Tempat mengurut dan rawatan di EKK hendaklah menggunakan kerusi/katil yang khusus untuk rawatan atau menggunakan tilam dengan cara tidak meletakkannya di atas lantai.

9. Tidak menghadkan umur minima orang yang akan diurut. Tetapi ditekankan orang yang menemani kanak-kanak yang akan berurut hendaklah 'gender specific' iaitu kanak-kanak perempuan yang akan diurut mestilah ditemani oleh ibu atau penjaga (guardian) perempuan sahaja manakala kanak-kanak lelaki yang akan diurut mestilah ditemani oleh bapa atau penjaga (guardian) lelaki sahaja bagi mengelakkan syak wasangka.

---

Disediakan oleh:  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
September 2016